



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN
BIL. 1 TAHUN 2013

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

**PENAMBAHBAIKAN FORMAT KERTAS KERJA MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN –
PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN ANGGARAN BAJET NEGERI**

1. TUJUAN

- 1.1. Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memberi maklum kepada semua Pegawai Pengawal berkenaan penambahbaikan dalam penyediaan format Kertas Kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan- Permohonan Peruntukan Tambahan Anggaran Bajet Negeri.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Format kertas kerja ini dikeluarkan bagi semua jabatan negeri bagi menambahbaik format Kertas Kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan- Permohonan Peruntukan Tambahan Anggaran Bajet Negeri yang sebelum ini adalah tidak seragam dan mengakibatkan kesukaran kepada pihak-pihak tertentu untuk meneliti justifikasi bagi membuat keputusan terhadap permohonan yang dikemukakan.
- 2.2. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan dalam format kertas kerja berkenaan adalah perlu bagi tujuan penyeragaman dan memastikan penyediaan adalah teratur.

3. PELAKSANAAN

- 3.1. Semua penyediaan Kertas Kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan- Permohonan Peruntukan Tambahan Anggaran Bajet Negeri perlulah mengikut format sebagaimana di Lampiran I. Contoh pengisian juga adalah sebagaimana di Lampiran II.
- 3.2. Setiap kertas kerja mestilah menggunakan format tulisan sebagaimana berikut:-
- i. Jenis Tulisan : Arial
 - ii. Saiz : 12
 - iii. Spacing : 1.5
- 3.3. Pelaksanaan surat pekeliling ini adalah terpakai bagi semua Permohonan Peruntukan Tambahan Anggaran Bajet Negeri Kelantan.

4. KUATKUASA

- 4.1. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **01 Januari 2013**.

5. PEMAKAIAN

- 5.1. Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri hendaklah memastikan ianya dilaksanakan.
- 5.2. Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah diminta mengambil tindakan melaksanakan pemakaian surat pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

ISLAM DIMARTABAT, RAJA DIDAULAT, NEGERI BERKAT

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

Bertarikh : 05 Feb 2013

Salinan Kepada :-

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Lampiran I

Rujukan Fail:

Kertas Bil:

PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN SEBANYAK RM _____
(RINGGIT MALAYSIA : _____)
DI BAWAH PERUNTUKAN _____ (KEPALA/AKTIVITI/OBJEK SEBAGAI)
PEJABAT _____ TAHUN _____
(Bagi Permohonan Yang Melibatkan Satu Objek Sebagai/Aktiviti Sahaja)

ATAU

PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN SEBANYAK RM _____
(RINGGIT MALAYSIA : _____)
DI BAWAH PERUNTUKAN PEJABAT _____ TAHUN _____
(Bagi Permohonan Yang Melebihi Satu Objek Sebagai/Aktiviti)

1. **TUJUAN**

- 1.1. Tujuan kertas ini adalah untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi meluluskan peruntukan tambahan sebanyak _____ (sebagaimana tajuk di atas) bagi menampung kekurangan peruntukan untuk perbelanjaan sehingga akhir tahun.

2. LATARBELAKANG

2.1. Belanjawan Negeri Kelantan Tahun _____ telah memperuntukan anggaran peruntukan sebagaimana berikut:

<i>Bil</i>	<i>Kepala</i>	<i>Objek Sebagai /Butiran</i>	<i>Aktiviti</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Peruntukan Asal Tahun (RM)</i>	<i>Baki Peruntukan Semasa (RM)</i>

2.2. Walau bagaimanapun, peruntukan asal sebagaimana di atas masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan semasa dan akan datang walaupun beberapa siri pindahan peruntukan telah dilaksanakan.

3. TAMBAHAN PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN

3.1. Sehubungan dengan itu, peruntukan tambahan perlu dibuat kepada objek sebagai/butiran tersebut di para 2.1. adalah sebagaimana berikut: -

<i>Bil</i>	<i>Kepala</i>	<i>Objek Sebagai/ Butiran</i>	<i>Aktiviti</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Peruntukan Asal (RM)</i>	<i>Peruntukan Tambahan (RM)</i>
Jumlah						

4. **ASAS-ASAS PERTIMBANGAN**

4.1. Asas-asas pertimbangan kepada keperluan peruntukan tambahan berjumlah RM_____ sebagaimana di bawah maksud di para 3.1 adalah sebagaimana berikut:-

4.1.1. Di bawah objek sebagai/butiran_____sebanyak RM_____diperlukan adalah bagi maksud_____ (justifikasi keperluan).

4.1.2. Di bawah objek sebagai/butiran_____sebanyak RM_____diperlukan adalah bagi maksud_____ (justifikasi keperluan).

5. **PENGESYORAN**

5.1. Berdasarkan kepada asas-asas pertimbangan di para empat (4) di atas, adalah disyorkan supaya peruntukan tambahan sebanyak RM_____ (sebagaimana tajuk kertas kerja) di atas **DILULUSKAN.**

6. **PANDANGAN YANG BERHORMAT DATO' PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**

7. **KEPUTUSAN**

7.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah dipohon menimbang dan membuat keputusan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan pengesyoran di perenggan lima (5) di atas.

Disediakan oleh :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Disemak Oleh :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Disahkan Oleh :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Rujukan Fail:

Kertas Bil:

**PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN SEBANYAK RM 40,000.00
(RINGGIT MALAYSIA : EMPAT PULUH RIBU SAHAJA) DI BAWAH PERUNTUKAN
B.25-PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN TAHUN 2012**

1. **TUJUAN**

1.1. Tujuan kertas ini adalah untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi meluluskan peruntukan tambahan sebanyak **RM 40,000.00** (Empat Puluh Ribu Sahaja) di bawah peruntukan B.25-Perbendaharaan Negeri Kelantan Tahun 2012 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk perbelanjaan sehingga akhir tahun.

2. **LATARBELAKANG**

2.1. Belanjawan Negeri Kelantan Tahun 2012 telah memperuntukan anggaran peruntukan bagi objek-objek sebagaimana berikut:

<i>Bil</i>	<i>Kepala</i>	<i>Objek Sebagai/ Butiran</i>	<i>Aktiviti</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Peruntukan Asal Tahun (RM)</i>	<i>Baki Peruntukan Semasa (RM)</i>
1.	B.25	11000	250100- Pentadibiran Am	Gaji dan Upahan	745,000.00	224,749.80
2.	B.25	23000	250200- Pengurusan Kewangan	Perhubungan dan Utiliti	25,000.00	17,500.00

- 2.2. Walau bagaimanapun, peruntukan asal sebagaimana di atas masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan semasa dan akan datang walaupun beberapa siri pindahan peruntukan telah dilaksanakan.

3. TAMBAHAN PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN

- 3.1. Sehubungan dengan itu, peruntukan tambahan perlu dibuat kepada objek sebagai/butiran tersebut di para 2.1. adalah sebagaimana berikut:-

<i>Bil</i>	<i>Kepala</i>	<i>Objek Sebagai/Butiran</i>	<i>Aktiviti</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Peruntukan Asal (RM)</i>	<i>Peruntukan Tambahan (RM)</i>
1.	B.25	11000	250100- Pentadibiran Am	Gaji dan Upahan	745,000.00	35,000.00
2.	B.25	23000	250200- Pengurusan Kewangan	Perhubungan dan Utiliti	25,000.00	5,000.00
Jumlah					770,000.00	40,000.00

4. ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

- 4.1. Asas-asas pertimbangan kepada keperluan peruntukan tambahan berjumlah **RM40,000.00** (Ringgit Malaysia : Empat Puluh Ribu Sahaja) sebagaimana di bawah maksud di para 3.1 adalah sebagaimana berikut:-

- 4.1.1. Di bawah objek sebagai/butiran **11000 – Gaji dan Upahan** sebanyak **RM35,000.00** (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Lima Ribu Sahaja) diperlukan adalah bagi maksud menampung kekurangan peruntukan kerana kenaikan gaji dibawah Sistem Saraan Malaysia selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2012.

- 4.1.2. Di bawah objek sebagai/butiran **23000 – Perhubungan dan utiliti** sebanyak **RM5,000.00** (Ringgit : Lima Ribu Sahaja) diperlukan adalah bagi maksud menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran pelbagai bil utiliti termasuk bil elektrik yang meningkat disebabkan peningkatan tarif kadar baru tahun 2012.

5. **PENGESYORAN**

- 5.1. Berdasarkan kepada asas-asas pertimbangan di para empat (4) di atas, adalah disyorkan supaya peruntukan tambahan sebanyak **RM 40,000.00 (Ringgit Malaysia : Empat Puluh Ribu Sahaja)** di bawah peruntukan B.25-Perbendaharaan Negeri Kelantan Tahun 2012 di atas **DILULUSKAN**.

6. **PANDANGAN YANG BERHORMAT DATO' PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**

7. **KEPUTUSAN**

7.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah dipohon menimbang dan membuat keputusan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan pengesyoran di perenggan lima (5) di atas.

Disediakan oleh :

Nama : FATIMAH BINTI MOHD NOOR
Jawatan : PENOLONG PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
(KHIDMAT PENGURUSAN)
Tarikh :

Disemak Oleh :

Nama : ROSNAZLI BIN HAJI AMIN
Jawatan : TIMBALAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN
Tarikh :

Disahkan Oleh :

Nama : DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT
Jawatan : PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN
Tarikh :

KERAJAAN NEGERI KELANTAN
NOTA-NOTA PERUNTUKAN TAMBAHAN TAHUN _____

JABATAN:- B.25- Perbendaharaan Negeri Kelantan

Bil	Kepala/Objek Sebagai	Tajuk	Peruntukan Asal (RM)	Tambahan Peruntukan (RM)	Ulasan/Asas Justifikasi Keperluan
1	11000	Gaji Dan Upahan	745,000.00	35,000.00	Menampung kekurangan peruntukan kerana kenaikan gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 2012.
2	23000	Perhubungan Dan Utiliti	25,000.00	5,000.00	Bagi menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran bil utiliti termasuk bil elektrik yang meningkat disebabkan tarif kadar baru tahun 2012.
		Jumlah :	770,000.00	40,000.00	